

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | Wujudkan kesedaran piawaian ISO dan TQM | | |
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 15 Apr 2014 | Color | Black/white |
| Section | TEMPATAN | Circulation | 37,981 |
| Page No | 6 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 147 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 334 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,002 |



Wujudkan kesedaran piawaian ISO dan TQM

KUCHING, Isnin – Semua kakitangan kerajaan dan badan-badan berkanun di negeri ini disaran menyertai Persidangan Antarabangsa Mengenai Pertubuhan Antarabangsa Penstandardan (ISO) dan Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) Ke-18 (18-ICIT) di salah sebuah hotel terkemuka di bandar raya ini.

Setiausaha Persekutuan, Datuk Md Yahya Basimin berkata, ini kerana program itu diyakini dapat memberi tumpuan terhadap amalan terbaik dalam

portfolio ISO dan TQM yang sudah pasti akan meninggalkan impak ke arah trend kualiti dalam ekonomi baru.

"Dengan bertemakan 'Enhancing Growth and Productivity Through Best Practices in TQM', program yang akan berlangsung mulai 21 hingga 23 April ini mampu menyediakan satu landasan untuk kakitangan kerajaan mengenal pasti pembangunan kontemporari dari seluruh pelosok dunia.

"Pada masa sama, saya yakin program sebegini akan mewujudkan kesedaran terhadap pelaksanaan piawaian ISO dan TQM

ke arah meningkatkan pembangunan dan pengeluaran produk atau penyampaian perkhidmatan sesebuah organisasi melalui amalan terbaik," jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas menerima kunjungan hormat daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sarawak di Pejabat Setiausaha Persekutuan, Tingkat 17, Bangunan Sultan Iskandar di sini, hari ini. Hadir sama, Rektor UiTM Sarawak Dato Dr. Jamil Haji Hamali.

Bercakap lanjut mengenai persidangan tersebut, Yahya berkata, program anjuran UiTM Sarawak dan Asia Pacific Busi-

ness Excellence Standard (APBEST) Academy itu akan dipengerusikan bersama Ketua

Pegawai Eksekutif HK5SA & APBEST Academy Prof Sam Ho dan Dato Dr. Jamil Haji Hamali.

Katanya lagi, konferensi yang berlangsung selama tiga hari ini dijangka dirasmikan oleh Ketua Menteri, Tan Sri Datuk Amar Haji Adenan Haji Satem pada hari pertama di Hotel Riverside Majestic, di sini.

Untuk mendapatkan keterangan lanjut mengenai 18-ICIT boleh diperolehi melalui laman sesawang <http://www.icit18.net> atau <http://www.hk5sa.com/icit/>.